



## THE GATHERING OF TITANS

Setiap tahun, ada sekumpulan usahawan yang berprestij, berkumpul di MIT's Endicott House di luar Boston. Mereka menamakan pertemuan mereka sebagai 'The Gathering of Titans'. Pertemuan yang mereka adakan bukanlah sesuatu yang membuang masa dan tidak berfaedah. Bukan kerana nak main golf. Bukan disebabkan ada majlis makan mewah atau benda sia-sia lainnya.

### BERKUMPUL BAGI MENILAI PENCAPAIAN

Setiap tahun akan ada 40 hingga 50 'business owner' akan 'spend' empat atau lima hari dari awal pagi sampai ke petang. Pelbagai penceramah tamu dijemput untuk menyampaikan pemikiran dan idea mereka, dan kemudian ada perbincangan yang akan dipimpin oleh beberapa orang yang hadir. Acara ni semacam muhasabah tahunan bagi menilai perniagaan dan pencapaian masing-masing.

### RAMAI SUDAH MENCAPAI MATLAMAT



Penulis buku 'Start with Why', Simon Sinek menceritakan bahawa, dia pernah dijemput untuk hadir dalam pertemuan itu. Katanya: "Pada hari pertama, ada soalan yang dikemukakan kepada peserta. Soalannya adalah, berapa banyak dari kalangan mereka yang telah mencapai matlamat kewangan mereka. Kira-kira 80 peratus mengangkat tangan". Kata Sinek.

### RAMAI BELUM MERASA BERJAYA


Tetapi jawapan untuk soalan seterusnya sangat membawa maksud yang mendalam. Semasa tangan mereka masih di udara, kumpulan itu kemudian ditanya lagi, "Berapa banyak dari kalangan anda merasakan sudah berjaya?" 80 peratus yang mengangkat tangan tadi, menurunkan tangan mereka semula. Mereka merasakan mereka belum berjaya. Walaupun mereka sudah mencapai tahap kewangan dan kehidupan yang dikehendaki. Mengapa ini terjadi?



### MERINDUI MASA AWAL PERNIAGAAN

Apa yang terjadi sebenarnya adalah, kebanyakan dari mereka sudah hilang 'purpose' kenapa mereka memulakan perniagaan itu. Mereka merindui zaman awal semasa mereka memulakan perniagaan. Masa syarikat mereka masih duduk di belakang rumah. Masa tengah 'struggle' untuk buat sesuatu. Masa jatuh dan terus berusaha untuk bangun kembali.

### SUDAH HILANG 'BIG WHY' MEREKA



Mereka merindui saat-saat itu. Masa itu 'Purpose' mereka atau 'Why' mereka sangat kuat. Sekarang mereka merasakan perniagaan mereka, tidak lebih dari hanya sekadar menjual barang dan menghasilkan duit semata-mata. Mereka sudah hilang 'Why' mereka. Sepanjang mereka berdiskusi airmata mereka tidak henti-henti mengalir mengenangkan semua itu.

## PENGAJARAN



Kejayaan tidak sama dengan pencapaian



Kita perlu gabungkan kejayaan dan pencapaian



Jangan berhenti memburu 'purpose' kita

فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ

"Berlomba-lombalah dalam kebaikan."

[al-Baqarah(2):148]